

SEGERA DENGAN FAKS

Ruj. Kami : JPN.PT:163/2/3 Klt.35 (9)
Tarikh : 29 Mac 2016

**Ketua Pengarang
The Star**

Tuan,

MAKLUM BALAS ADUAN AKHBAR THE STAR BERTAJUK "NOT A CITIZEN EVEN THOUGH GRANNY PAID RM 12,500" BERTARIKH 28 MAC 2016, ISNIN – M.S: 20 (OTHERS NEWS & VIEWS)

Dengan segala hormatnya, saya merujuk kepada aduan mengenai perkara di atas.

2. Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) ingin menjelaskan isu yang dibangkitkan oleh Puan Liao Man berkenaan kegagalan mendapatkan Mykad cucunya walaupun telah membuat bayaran sebanyak RM 12,500.
3. Dimaklumkan, berdasarkan maklumat yang disiarkan jelas menunjukkan Puan Liao Man telah ditipu oleh sindiket yang tidak bertanggungjawab. Oleh yang demikian, JPN menasihatkan beliau untuk membuat laporan polis atas kes penipuan tersebut.
4. Bagi urusan permohonan kewarganegaraan untuk cucu beliau adalah disarankan Puan Liao Man hadir terus ke mana-mana kaunter JPN yang berhampiran bagi membolehkan semakan dokumen permohonan dibuat untuk menentukan kelayakan permohonan berdasarkan peraturan sedia ada.
5. Orang ramai dinasihatkan untuk tidak berurusan dengan pihak ketiga bagi apa-apa urusan pendaftaran sebaliknya hadir ke mana - mana pejabat JPN terdekat bagi mendapatkan maklumat yang sahih dan benar.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,

(FARA MAYA BINTI AHMAD JELANI)

Pegawai Perhubungan Awam,
b.p Ketua Pengarah,
Jabatan Pendaftaran Negara,
Malaysia.

☎ : 03-88807077

☎ : 03-88808288

✉ : pro@jpn.gov.my

- s.k.:
1. YBhg. Dato' Sri KPPN
 2. YBhg. Datin Seri TKPPN (P)
 3. YBrs. Tuan TKPPN (O)